

UCAPAN YB BRIG. GEN. KHAIRY JAMALUDDIN
MAJLIS PELANCARAN DIGITAL @ KL2017
SEMPENA TEMASYA KUALA LUMPUR 2017
13 JULAI 2017, GYMNASIUM 2, MAJLIS SUKAN NEGARA

1. Terima kasih kepada semua yang sudi hadir pada majlis pelancaran Digital@KL2017. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada pihak penaja seperti Telekom Malaysia (TM) yang telah meluangkan masa anda untuk berada di sini pada hari ini.
2. Semenjak dari awal perancangan, Jawatankuasa Pengelola Malaysia (MASOC) telah berkerja di atas landasan bahawa KL2017 bukan sekadar medan petarungan memburu pingat emas bagi para atlet, tetapi sebagai satu temasya sukan untuk semua, memberikan pengalaman menarik dan baharu kepada penonton.
3. Berdasarkan objektif ini, kami telah memperkenalkan pelbagai aktiviti yang inklusif dan membawa impak terus kepada masyarakat awam dan peminat sukan.
4. Bermula dengan penjenamaan Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 di bawah satu jenama, iaitu KL2017, kami telah memutuskan untuk menganjurkan Sukan Para ASEAN selang tempoh hanya dua minggu dari tamatnya Sukan SEA. Di bawah KL2017 juga, kami telah melaksanakan pelbagai program yang menasaskan orang ramai seperti Inisiatif Green Games, KL2017@Sekolah, Larian Obor dengan pelbagai gimik tersendiri, Larian Baton Bangkit Bersama yang buat julung kalinya diadakan serta penjualan barangan atau merchandise Kuala Lumpur 2017, tiket dan nombor plat kenderaan secara dalam talian.
5. Semua usaha kami ini tidak akan bermakna sekiranya ia tidak sampai ke kumpulan sasaran. Sejalan dengan trend masa kini yang dipengaruhi oleh kecanggihan teknologi, kami sedar bahawa segala maklumat yang ingin disampaikan mestilah cepat, tepat dan ringkas pada maksud.
6. Atas sebab ini lah, KL2017 amat mementingkan penggunaan media digital sebagai platform utama dan telah merangka strategi digital kami dengan begitu teliti.
7. Ini bermakna, segala aktiviti yang saya sebutkan tadi telah kami rancang lengkap dengan strategi media digital di minda – daripada promosi, pendaftaran, sehinggalah kepada penyebaran maklumat. Contohnya, bagi Larian Obor, penyertaan orang ramai telah dipelawa melalui pendaftaran di laman web kami. Begitu juga dengan pencarian sukarelawan, di mana pendaftaran telah dilaksanakan secara dalam talian dan promosinya giat dilakukan melalui aset-aset digital kami.
8. Di bawah KL2017, aset digital kami buat masa ini terdiri daripada laman web, Facebook, Twitter dan Instagram.

9. Kami telah menubuhkan satu bilik berita atau *newsroom* khas untuk menguruskan aset-aset digital ini. Sewaktu temasya sukan berlangsung, dijangkakan kekuatan bilik berita ini akan ditingkatkan daripada kira-kira 10 anggota pada masa ini, kepada lebih kurang 30 wartawan dan 40 jurugambar. Mereka akan bertugas khusus untuk membekalkan bahan-bahan yang akan dimuat naik ke aset digital kami. Selain itu, 10 orang wartawan media sosial juga akan bertugas untuk memberikan laporan secara terus kepada orang ramai.
10. Oleh itu, pada hari ini saya ingin berkongsi cerita dengan para hadirin sekalian tentang inisiatif Digital@KL2017. Saya akan memberikan penerangan yang lebih lanjut mengenai setiap satu aset kami dan bagaimana ia telah digunakan dalam menyokong setiap inisiatif yang telah dilaksanakan, terutamanya dalam mencapai golongan sasaran dan objektif temasya KL2017.
11. Saya akan mulakan dengan aset digital utama kami, iaitu laman web www.kualalumpur2017.com.my. Secara purata, laman web kami mendapat 50 ribu kunjungan pelawat sebulan, dengan menerima 200 *hits* setiap saat.
12. Laman web KL2017 adalah penghubung utama kami dengan masyarakat. Secara khususnya, laman web ini digunakan untuk empat perkara iaitu:
 - a. Platform pendaftaran untuk orang ramai bagi menyertai aktiviti seperti Larian Obor dan Sukarelawan.
 - b. Penjualan barangan, plat kenderaan dan tiket KL2017 yang akan saya terangkan nanti.
 - c. Pusat maklumat untuk pelbagai acara sukan dan acara yang akan dipertandingkan.
 - d. Siaran berita berkenaan KL2017 dalam bentuk berita terkini dan siaran akhbar. Sehingga kini, kami telah memuat naik ratusan gambar dan lebih dari 80 video berkenaan KL2017. And that number is only going to grow in the next few months.
13. Laman web kami memainkan peranan penting dalam kempen mencari sukarelawan KL2017. Semenjak kempen ini dilancarkan pada bulan November 2015, laman web kami telah mencatatkan sebanyak 54,971 penyertaan orang awam yang berminat untuk melibatkan diri mereka. Pada 14 November 2015, saya telah melancarkan pembukaan pendaftaran *online* bagi mereka yang berminat menjadi sukarelawan dengan saya menjadi pendaftar pertama. 24 jam selepas pelancaran, saya diberitahu bahawa kami telah menerima 15,354 permohonan pendaftaran untuk sukarelawan. Imagine that. 15,354 people in that short time.
14. And that was not all. Mereka yang telah mendaftar juga boleh menyemak status permohonan mereka melalui laman web kami.

15. Kami juga telah memuat naik video-video menarik di aset digital KL2017 dan ia nyata berkesan dalam menarik serta mengalakkan orang ramai untuk mendaftar sebagai sukarelawan.

16. Laman web KL2017 juga digunakan untuk penjualan tiket Sukan SEA semenjak 4 Julai 2017 yang lalu.
17. Penjualan tiket dibuat hanya melalui dalam talian buat masa ini. Pada hari pertama tiket dijual, bilangan pengunjung baharu ke laman web KL2017 meningkat sehingga melebihi 67 peratus dengan 250 pengunjung dicatatkan pada setiap saat. Ini diterjemahkan kepada 91,052 kunjungan pada hari itu sahaja.
18. Sukacita saya maklumkan bahawa penjualan dalam talian ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakan. We sold out netball and basketball in less than a week, before the Games had even started. In fact, it took less than four hours for netball to be sold out.
19. Bagi acara Pencak Silat pula, sebanyak 90 peratus tiket telah terjual untuk beberapa hari pertandingan berkenaan dan bagi acara lumba basikal trek, sebanyak 75 peratus tiket hari terakhir acara berkenaan kini telah habis dijual. Selain itu, tiket bagi acara renang dan akuatik telah telah terjual sebanyak 75 peratus setakat ini, with finals for these sports sold out.
20. Events are selling out quick. Tell your friends to snap the tickets up RIGHT NOW.
21. Ini membuktikan strategi digital kami untuk penjualan tiket secara dalam talian lebih mudah serta menjimatkan masa dan belanja, berbanding dengan penjualan secara fizikal.
22. Pada masa yang sama, barangan KL2017 seperti t-shirt, topi dan tudung juga dijual melalui atas talian. Ketiadaan stor secara fizikal ternyata tidak menghalang para peminat untuk mendapatkan barangan KL2017. Setakat ini, kami telah menjual lebih daripada 12 ribu barangan Kuala Lumpur 2017 secara *online*. Untuk item t-shirt rasmi Kuala Lumpur 2017 pula, pihak sekretariat telah mengulang cetak barangan itu sebanyak 3 kali kerana permintaan yang sangat-sangat menggalakkan.
23. Bagi media sosial, kandungan yang dimuat naik should follow basic tenets of social media. adalah sesuatu yang ringkas, penuh dengan visual yang menarik, mempunyai elemen interaktif dengan pengunjung dan juga berunsur ceria atau *fun* bagi memastikan orang ramai terus mendapatkan informasi berguna, menjelang temasya nanti.
24. Sewaktu ia mula dilancarkan, kandungan yang kami muat naik ke media sosial tidak tertumpu kepada fakta KL2017. Ia lebih kepada sukan secara am seperti sejarah Sukan SEA dan cara-cara amalan hidup sihat. Ini semua berbalik kepada objektif kami untuk menarik perhatian dan penglibatan lebih ramai orang awam untuk KL2017, dan bukan semata-mata peminat sukan sahaja.

25. Di hari-hari tertentu, impak penggunaan Twitter juga melonjak dengan tinggi sekali. Contohnya pada hari pertama penjualan tiket KL2017, *tweet posting* kami mencatatkan sebanyak 70 ribu *organic engagements* dalam satu hari, tanpa sebarang *boosting*. We did not spend a sen on advertising expenditure here. Sebanyak 577,400 *organic impressions* direkodkan sepanjang minggu berkenaan.
26. Dengan kekuatan visual (power of visuals), kami juga menggunakan platform Instagram untuk menyemarakkan semangat Bangkit Bersama di kalangan rakyat Malaysia seperti menggunakan medium ini untuk menyetengahkan kejayaan atlet-atlet Malaysia.
27. Selain itu, aplikasi Instagram juga digunakan untuk menyebarkan maklumat mengenai inisiatif KL2017 seperti penjualan tiket dan program sukarelawan, seperti yang tertera di slaid ini.
28. Hasilnya setakat ini, kami telah mencatatkan 42 ribu *organic impressions* setiap minggu untuk gambar dan video yang dimuat naik. 42,000 organic impressions every week. Again, not a sen was spent on advertising expenditure.
29. Untuk temasya KL2017 yang akan berlangsung bulan depan, pasukan media sosial kami akan memuatkan pelbagai berita bertujuan untuk menggalakkan kehadiran orang ramai ke venue pertandingan dan juga menunjukkan pelbagai cerita di sebalik tabir yang sesuai untuk pengguna media sosial seperti IG.
30. Laman media sosial yang paling popular di dunia iaitu Facebook, juga menjadi salah satu platform penting dalam pelaksanaan strategi digital kami.
31. Facebook KL2017 juga digunakan sebagai satu platform untuk kami berinteraksi secara terus dengan penonton. Pelbagai ciri Facebook, seperti *live video* juga banyak digunakan memandangkan ia mudah, berkos rendah dan berupaya mencapai golongan sasaran. It's where everyone's at.
32. Untuk makluman semua juga, majlis pada hari ini turut disiarkan secara langsung di laman Facebook kami.
33. Keberkesanan Facebook juga dapat dilihat pada hari-hari tertentu. You can see its effectiveness almost immediately. Contohnya, pada hari penjualan tiket, sebanyak 32 ribu *organic engagements* telah dicatatkan, dengan 115 ribu capaian (*reach*). Sebanyak 56 ribu pengguna Facebook juga telah dicapai dengan 1,563 reaksi direkodkan.
34. Ternyata, strategi digital KL2017 telah membuahkan hasil apabila inisiatif seperti pendaftaran sukarelawan dan pemegang obor telah bukan sahaja mencapai, malahan melebihi sasaran bilangan yang diperlukan. Begitu juga dengan penjualan tiket dan barangan.

35. Kini, dengan berbaki 36 hari menjelang KL2017, kita akan memperkenalkan semua aset digital yang akan memberikan capaian lebih tinggi kepada peminat sukan serantau bukan sahaja melalui televisyen, malahan secara digital yang boleh diakses di mana sahaja pada setiap masa.
36. Kesemua ini menunjukkan bahawa pihak sekretariat berusaha memberikan pengalaman terbaik buat para peminat sukan dan rakyat di rantau ini pada peringkat pra dan sewaktu temasya KL2017 berlangsung. The best experience possible.
37. Peminat sukan hari ini terutamanya golongan belia dan remaja rata-rata amat celik-IT dan mereka mahukan pengalaman berbeza seperti mendapat informasi dengan lebih mudah dan pantas untuk mengetahui perkembangan terkini atlet kegemaran, keputusan sesuatu perlawanan atau jumlah kutipan pingat dan sebagainya. Business as usual simply won't cut it.
38. Diharap semua peminat sukan dan rakyat serantau dapat memanfaatkan platform media digital yang disediakan untuk pelbagai tujuan hanya dengan akses di hujung jari anda.
39. Now the first digital asset we're launching today is our Smartphone App. Aset pertama yang kita akan melancarkan pada hari ini adalah aplikasi mudah KL2017. Aplikasi mudah alih KL2017 adalah sebuah platform digital yang menempatkan pelbagai maklumat terkini mengenai temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN. Ia adalah satu platform untuk orang ramai mengikuti perkembangan terkini KL2017, menonton perlawanan secara langsung sewaktu temasya dan juga memperolehi maklumat seperti jadual perlawanan, keputusan dan sebagainya.
40. Aplikasi ini boleh dimuat turun oleh semua pengguna telefon pintar di platform iOS dan android dengan nama "KL2017". All of you can download this right now, today on your phone. Get it and test it out. Right now.
41. Aplikasi ini juga menyediakan maklumat perlawanan dengan cepat, di mana keputusan pertandingan akan disiarkan secara langsung. Jumlah pungutan medal juga akan dikemas kini secara langsung. Real-time matches. Real-time scores. Follow Malaysia as they record real-time wins. Medal after medal after medal.
42. Penggemar sukan juga boleh mengetahui jadual pertandingan melalui aplikasi ini dan ia bermanfaat buat semua peminat sukan dan rakyat serantau bagi memudahkan mereka merancang perjalanan dan jadual mereka tersendiri untuk mengikuti dan menonton acara yang diminati. This is so you know exactly what's happening and where it's happening. If it's nearby,
43. Segala berita menarik berkisar dengan KL2017 juga akan dimuat naik ke dalam aplikasi ini untuk memudahkan orang ramai mendapat maklumat terkini mengenai perjalanan temasya.

44. Aplikasi ini juga membolehkan para pengguna memilih jenis acara dan negara mana yang menjadi keutamaan untuk mereka ikuti dan menjadikan is sebagai default setting pada telefon atau tablet masing-masing. You see what you want to see.
45. Kami juga tidak lupa bahawa temasya KL2017 ini akan menyaksikan kedatangan ribuan penyokong daripada negara-negara serantau yang bertanding. Sehubungan itu, aplikasi ini juga akan menyediakan fakta mengenai pelbagai tempat menarik yang boleh dikunjungi oleh mereka sepanjang berada di Malaysia.

Augmented Reality

This is the first time this has been done at a major multi-sports event. This has never been done at the SEA Games level, or the Olympics level for that matter. Please remember this is a Beta version.

This isn't just a party trick. There are real functional uses to this. Imagine arriving in KLCC. Not knowing what event is going on behind the doors. You whip out your phone, you scan the Rimau marker near you. You'll immediately see what the sport is, and what's happening right now and over the rest of the day. To see how your country is doing in the medal standings for that sport right away.

This is a Beta feature. We're aiming for this to be a fully functional feature for when the Games start.

46. Dan yang paling penting sekali, aplikasi ini menawarkan live streaming atau siaran secara langsung pelbagai acara. Ini bermakna, peminat sukan boleh menonton pertandingan tertentu tidak kira di mana mereka berada, menjadikan temasya sukan ini betul-betul inklusif seperti yang telah dijanjikan.
47. This leads onto the next feature I wanted to show you; our brand new YouTube channel.
48. Para hadirin sekalian, di sini juga saya dan pihak MASOC dengan sukacitanya ingin mengumumkan pelancaran saluran rasmi YouTube KL2017 di akaun "Kuala Lumpur 2017 Official Channel". TM, who are also our platinum sponsors at the Games, will be content partners and co-owners of this channel. I want to thank them for coming on board.
49. Saluran Youtube ini bukan sahaja akan menayangkan siaran langsung pertandingan yang terpilih, tetapi juga mempunyai pelbagai kandungan menarik seperti cerita di belakang tabir contohnya tentang atlet dan ahli keluarga mereka, serta coretan mengenai temasya KL2017. And this channel isn't just for Malaysia. It is for the entire region. If you're from Singapore or Thailand or Myanmar and want to watch your country at the Games, this is the channel to go to.
50. Lebih menarik lagi, penonton bakal mengecapi pengalaman menyeluruh mengenai acara pembukaan dan penutupan rasmi Sukan SEA ke-29 melalui saluran rasmi ini.

51. Kami akan menyediakan dua saluran secara langsung dan 13 saluran ON DEMAND.
52. Dengan ciri-ciri menarik yang ditawarkan oleh aset digital KL2017, anda hanya perlu memastikan bahawa anda mempunyai data internet yang cukup sepanjang temasya sukan ini berlangsung! Pastikan anda tidak ketinggalan menjadi sebahagian dari pengalaman KL2017 yang kami tawarkan!
53. Well, I guess that's it. Oh, sorry. There's one more thing....
54. I've got exciting news for everyone here. Untuk pertama kalinya, kami akan menayangkan iklan KL2017 di sini, yang merupakan video rasmi kami. Bertajuk "*It takes a nation to raise a champion* (bersama, kita lahirkan juara), video ini membawa mesej semangat kesukanan, perpaduan, kebersamaan dan perjuangan yang tinggi.
55. Ia juga memaparkan sebuah perjalanan yang menuntut pengorbanan dan sokongan daripada banyak pihak demi melahirkan seorang juara. Adalah menjadi harapan saya agar video ini akan menjadi inspirasi pembakar semangat kepada orang ramai, khususnya rakyat Malaysia dan para atlet muda untuk terus berjuang tanpa mengenal jemu sebelum dapat meraih sebuah kejayaan.
56. Selamat menonton.
57. I hope everyone enjoyed the unveiling of suite of digital assets here today. Ini adalah sebahagian daripada perjalanan kita ke arah temasya yang terbaik dalam sejarah Sukan SEA & Sukan Para ASEAN. Bukan sahaja kita mahukan prestasi terbaik atlet Malaysia, tetapi kita juga perlu Bangkit Bersama dalam memastikan semua penonton dan peminat serantau melalui pengalaman temasya sukan yang amat bermakna bagi mereka. We hope that what we unveiled today goes some way towards ensuring that kita semua '**Bangkit Bersama**'.

Thank you.